

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD MARZUKI BIN SHAARY
(BACHOK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.06.2015

Y.B. TUAN AHMAD MARZUKI BIN SHAARY [BACHOK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hasil maklum balas rakyat terhadap pelaksanaan GST. Apakah ada apa-apa pertukaran polisi atau cadangan pihak Kerajaan bagi menamatkan sistem cukai GST ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah untuk memastikan supaya rakyat dapat memahami dengan tepat mengenai tujuan dan matlamat pelaksanaan GST. Kempen-kempen mengenai GST kepada

orang awam telah dilaksanakan melalui media cetak (majalah, surat khabar, handbook), elektronik (televisyen, radio), out-of-home (banner) serta secara online (media sosial, portal). Bagi terus mempromosikan kempen GST, video berbentuk kapsul diedarkan kepada agensi Kerajaan bagi membuat pendedahan secara berterusan. Program seperti Siri Jelajah Kempen GST turut dijalankan di seluruh negara (Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak) supaya orang awam dapat memperolehi maklumat GST secara telus dan tepat. Menerusi program tersebut, maklumbalas daripada orang awam turut dikumpul dan majoriti mengakui bahawa kesedaran mengenai GST sudah meningkat berbanding dahulu.

Selain dari program kesedaran dan latihan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) juga telah mengadakan program *handholding* kepada syarikat-syarikat yang telah mendaftar GST. Program *handholding* ini dijalankan oleh JKDM di peringkat negeri dan lebih menjurus kepada keperluan setiap sektor bagi memudahkan pemahaman yang terperinci mengenai pelaksanaan GST di kalangan peniaga. Sehingga 30 April 2015, sebanyak 468 program *Hand Holding* telah diadakan dengan penyertaan lebih daripada 50,000 orang dari pelbagai sektor perniagaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, rata-rata rakyat sudah mula

menerima GST di mana aduan kepada JKDM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah mengalami pengurangan pada bulan Mei berbanding bulan April 2015. Bagi tempoh 1 hingga 10 Mei 2015, KPDNKK telah mencatatkan sebanyak 285 aduan sahaja manakala tempoh yang sama pada bulan April telah mencatatkan 3,577 aduan mengenai GST. Penurunan ini adalah kerana pemahaman pengguna dan peniaga telah meningkat dan Kerajaan menjangkakan bahawa trend ini akan berterusan apabila peniaga dan orang ramai lebih memahami pelaksanaan GST.

Di samping itu, pelbagai langkah yang sewajarnya telah diambil oleh semua pihak termasuk syarikat bagi memastikan kejayaan pelaksanaan GST. Sehingga 31 Mei 2015, sebanyak 379,222 syarikat telah berdaftar GST. Syarikat-syarikat ini telah berbelanja jutaan ringgit untuk menambahbaik sistem sedia ada supaya patuh GST. Ini menunjukkan perniagaan pada umumnya menyokong pelaksanaan GST di Malaysia. Penamatan atau penangguhan pelaksanaan GST akan menyebabkan kerugian besar kepada syarikat-syarikat yang telah membuat perbelanjaan untuk beralih ke sistem GST.

Berdasarkan kepada pengalaman di negara-negara lain yang telah

melaksanakan GST/VAT, memang akan terdapat masalah dan isu peralihan pada peringkat permulaan pelaksanaan dan Malaysia juga tidak akan terkecuali dari mengalaminya. Oleh yang demikian, sebarang isu-isu pelaksanaan yang timbul telah dan akan terus ditangani secara komprehensif dan berterusan oleh pihak Kerajaan. Kerajaan akan terus melaksanakan program-program latihan kepada peniaga dan program kesedaran GST kepada pengguna. Di samping itu, Kerajaan juga akan terus membuat *engagement* dengan sektor swasta bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan.

GST akan diteruskan pelaksanaannya dan tidak akan ditangguhkan. Sebarang penangguhan juga akan memberi impak negatif ke atas penarafan kredit Malaysia kerana pelaksanaan GST merupakan satu langkah konsolidasi fiskal yang amat penting untuk memastikan kemapanan ekonomi negara.